



Sri Pahang sedia sekat Sabah

Oleh [Asrol Awang](#) - Oktober 10, 2022 @ 2:25pm
sukanteam@NSTP.COM.MY



Pemain Sri Pahang FC ketika menjalani latihan. - Foto ihsan Sri Pahang FC.

KUANTAN: Sri Pahang FC yang berjaya mengikat Johor Darul Ta'zim (JDT) Jumaat lalu, mahu mencatatkan kemenangan apabila berdepan Sabah FC di Stadium Darul Makmur, malam esok.

Pengendali Tok Gajah, Datuk Dollah Salleh berkata, skuad itu tiada pilihan lain kecuali menang dalam usaha memperbaiki kedudukan lebih baik dalam saingan Liga Super.

"Namun, saya akui berdepan Sabah yang berada di kedudukan kedua liga ketika ini memerlukan pemain lebih berhati-hati dengan prestasi semasa lawan.

"Saya harap pemain dapat beraksi lebih mantap kerana dua baki perlawanan ini juga sebagai persediaan menghadapi kempen Piala Malaysia," kata bekas pemain kebangsaan itu.

Justeru, Dollah mahu anak buahnya yang gagal beraksi cemerlang ketika seri tanpa jaringan berdepan JDT perlu tampil dengan permainan lebih konsisten.

Katanya, berbaki dua perlawanan terutama kelebihan beraksi di halaman sendiri perlu diterjemahkan dengan kemenangan.

"Sebenarnya, saya bersyukur apabila kami tidak kehilangan mata iaitu sekurang-kurangnya satu mata diperolehi ketika berdepan JDT Jumaat lalu.

"Namun, berdepan Sabah dan Negeri Sembilan FC (NSFC) perlu dimanfaatkan sebaiknya untuk mengutip enam mata maksimum.

"Kutipan enam mata itu juga akan membantu menamatkan saingan liga pada kedudukan lebih baik berbanding kedudukan kelapan," katanya.

Selepas mengharungi 20 perlawanan, Sri Pahang berada di kedudukan kelapan dan perlu memanfaatkan kelebihan beraksi dua perlawanan di halaman sendiri untuk memperbaiki kedudukan lebih baik.

Ini kerana peluang untuk menamatkan kedudukan antara kelima dan keenam masih terbuka antara Kuala Lumpur City FC, Kedah Darul Aman (KDA) FC dan Selangor FC.